

18/05/2003

Dr Fauziah diplomat wanita disegani

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PERTAMA kali bersua muka dengan wanita kecil molek ini, fikiran terus tertangkap kepada diskripsi yang diberikan kakaknya, Zaimah Mohd Taib (Pengurus Pejabat Wakil Malaysia di Taipeh, Taiwan yang secara kebetulan kenalan penulis) mengenai adik bongsunya - 'budak nakal dan degil'.

Ketika ditanya penulis, mengapa dianggap demikian, Zaimah menceritakan bagaimana beliau terpaksa menunggu di luar kelas adiknya ini yang ketika itu baru masuk ke alam persekolahan, setiap hari untuk satu tempoh tertentu, bagi memastikan adiknya tidak lari keluar kelas.

Tersenyum mengingati cerita ini, penulis terus menumpukan perhatian semula kepada Dr Fauziah Mohamad Taib, 48, dalam pertemuan pertama kami di

Washington tahun lalu. Memiliki penampilan yang ringkas, kemas dan mesra -

adalah tidak sukar untuk mendekati beliau kerana sikapnya yang bersahaja.

Namun, ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang diplomat yang disegani tetap terserlah, ketika beliau menjalankan setiap tugas yang diberikan.

Apatah lagi, apabila berada di negara berkuasa besar yang mempunyai '1001 macam cerita' dalam hubungan dua halanya dengan Malaysia.

Mengambil

hakikat bahawa Amerika Syarikat adalah antara rakan perdagangan terbesar bagi Malaysia, mana-mana diplomat yang ditempatkan di sana, perlu berhadapan dengan pelbagai rintangan dalam usaha menyuburkan hubungan dua

hala. Mungkin tidak dilihat dari segi fizikal sebagaimana di negara yang menghadapi peperangan, tetapi setiap ketegangan yang timbul dalam hubungan

dua hala, memerlukan minda yang cekap dan pantas bagi menangkisnya.

Faktor inilah yang dapat dilihat jelas dalam Dr Fauziah - tegas dan memiliki kemahiran berdiplomasi yang baik. Maka, tidak sukar baginya melaksanakan tugas sebagai Timbalan Ketua Misi di Kedutaan Malaysia di Washington (sejak 1998 sehingga perlantikan barunya sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Fiji sekarang), terutama dalam mempertahankan kepentingan dan maruah negara. Justeru, tidak hairanlah, sepanjang tempoh lima tahun berkhidmat di sana, beliau tidak pernah gentar dengan tekanan atau gertakan yang cuba dilemparkan White House, setiap kali berhadapan dengan

apa juga isu yang boleh menjejaskan hubungan dua hala.

"Sebenarnya saya tidak akan cuba berselindung dengan mereka (pentadbiran

White House) biarpun ada ketikanya mereka tidak senang dengan kelantangan

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap angkuh dan apa juga bentuk tindakan ketidakadilan yang dilakukan kuasa besar itu.

"Biarpun saya kerap kali dipanggil untuk memberi penjelasan, saya tidak

akan menyembunyikan apa-apa tetapi menerangkan bahawa Dr Mahathir adalah

seorang pemimpin yang mempunyai pendirian tegas, berasaskan suara rakyat Malaysia sendiri.

"Saya sering menerangkan, memang Malaysia adalah negara kecil dan mungkin kita boleh menjadi `kawan baik', dengan kita (Malaysia) hanya mendengar dan mengikut cakap anda (Amerika), tetapi kita bukan macam itu kerana rakyat kita tidak membenarkan perkara ini berlaku. Jadi, biarpun pendirian negara itu tidak enak didengar Amerika, ia masih perlu disampaikan."

Pelbagai pengalaman menarik yang ditimba Dr Fauziah ketika berada di negara berkuasa besar itu kerana dalam tempoh lima tahun perkhidmatannya, perkembangan politik tanah air juga banyak memberi pengaruh kepada hubungan Malaysia-Amerika terutama seperti pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang dianggap tidak `adil dan berperikemanusiaan', dan pengumuman Dr Mahathir untuk bersara Oktober ini.

Kesemuanya ini dihadapi dengan bermacam ragam tetapi bagi Dr Fauziah, rahsianya untuk mempunyai hubungan baik dengan pihak pentadbiran White House adalah dengan mengenali mereka secara peribadi. Ini bermakna, jika beliau terpaksa mengikuti mereka menonton perlawanan bola keranjang atau bola sepak, Dr Fauziah akan pergi.

"Rakyat Amerika mempunyai pelbagai minat dan sebagai diplomat, kita kena tahu apa yang `vogue' dan apa yang tidak. Contohnya, di sana karaoke dan bowling langsung tidak popular kerana dianggap ulu, terutama jika kita nak berkawan, di Washington - yang kononnya sebagai ibu kota diplomatik di dunia."

Namun, beliau melihat hubungan diplomatik antara kedua negara adalah perkara berbeza dengan hubungan antara manusia kerana masyarakat di sana memiliki sifat mesra dan ramah. "Mereka tidak mudah kecil hati sekiranya kita mempunyai pandangan berbeza dengan mereka. Saya percaya definisi sikap mereka ini adalah `agree to disagree' (terima untuk tidak bersetuju)."

Memiliki ijazah pertamanya dalam bidang Hubungan Antarabangsa di Universiti Malaysia (UM), Dr Fauziah yang sememangnya sentiasa ingin melihat dunia sejak dari kecil, mendalami bidang yang sama sehingga memperolehi Masters dan PhD, masing-masing di University of Paris di Sorbonne dan University of Kent di Canterbury.

Menurut Dr Fauziah, selepas tamat pengajian di UM, keinginannya untuk melihat dunia terlalu tinggi. "Waktu itu, saya fikir...saya tak boleh jadi pramugari MAS (Sistem Penerbangan Malaysia) kerana tak cukup tinggi, jadi dengan hanya menyertai Kementerian Luar sahajalah, peluang itu akan terbuka. Saya pun memohon dan allahamdullilah..saya diterima."

Dalam buku keduanya bertajuk A Diplomat Arrives In Washington, beliau ada menceritakan bagaimana arwah ibunya, yang terlalu sayangkan anak-anak akan melarang setiap adventure yang beliau ingin lakukan seperti menyertai pasukan Brownies ketika di bangku sekolah atau ingin mengembara seorang

diri. Namun, dalam menghormati ibunya yang digelar "Mrs Jangan", Dr Fauziah masih terus melakukan apa yang ingin dicubanya ketika muda.

Malah, ketika beliau memberitahu ibunya yang Kementerian Luar menerima permohonannya, selepas tamat pengajian, ibunya mengalirkan air mata kerana

tidak ingin melepaskan anak bongsunya itu. Malangnya, selepas beberapa minggu, ibunya meninggal dunia tetapi Dr Fauziah tidak pernah menyesal dengan keputusan yang dibuat ketika itu. Beliau mengerti, halangan ibunya

itu hanya dibuat kerana terlalu sayangkan anak-anaknya.

Apakah sukar kehidupan sebagai seorang diplomat yang ditugaskan ke luar negara, terutama bagi seorang wanita dan benarkah perbezaan gender wujud dalam bidang ini?

Bagi Dr Fauziah, beliau tidak melihat perbezaan jantina sebagai satu isu dalam bidang diplomatik. "Ramai warga asing yang bertanya soalan ini kepada saya tetapi di Kementerian Luar, kita bernasib baik kerana isu ini tidak timbul. Perlantikan mana-mana kakitangan wanita kepada pangkat duta juga tidak dilihat sebagai sesuatu yang janggal kerana ia perkara biasa."

Bagaimanapun, beliau menegaskan ada kalanya, lebih banyak kelebihan yang dikecapi sebagai diplomat wanita kerana orang ramai mudah dan lebih senang berhubung dengan seorang wanita daripada lelaki.

Ini bukan bermakna sikap lelaki yang kurang mesra tetapi, hanya lumrah bagi wanita untuk menjadi lebih approachable, dan faktor ini memudahkan kerja-kerja seorang diplomat.

"Sebenarnya, saya melihat cabaran besar bagi saya untuk melaksanakan tugas adalah apabila berhadapan dengan pegawai yang lebih muda daripada saya, tetapi tidak mempunyai semangat kerja tinggi yang dapat memenuhi cara saya. Mungkin benar kata orang, wanita di dalam lingkungan umur 40-an mempunyai daya lebih tinggi dari masa yang lain!"

Kini, dengan pelantikan barunya sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Fiji, Dr Fauziah sudah mempunyai barisan rancangan untuk melaksanakan tugasannya ke satu tempat yang jauh berbeza dari Washington. Biar pun, menganggap dirinya seorang gadis kota tetapi perubahan ini, diterima dengan terbuka.

Sebelum Dr Fauziah dapat mengesahkan tugasannya ke Fiji, penulis pernah bertanya sekiranya diberi peluang dalam tugas lain selepas Washington, ke mana beliau ingin menuju.

Jawapannya mudah: "Saya nak pergi ke tempat yang ada banyak kerja. Letaklah saya di mana-mana juga, sekalipun negara itu menakutkan bagi sesiapa untuk pergi tetapi saya akan tetapi pergi. Sebagaimana moto kakitangan kerajaan - Saya yang menurut perintah."

"Memang saya lebih senang hidup di kota raya besar kerana sudah biasa dengan pelbagai kemudahan dan kecanggihan yang ada, tetapi ini tidak bermakna yang saya tidak boleh hidup jika ditempatkan ke negara yang

berbeza.

"Fiji adalah negara berpulau dan ia dianggap `paradise', kerana banyak pusat pelancongan (sumber pendapatan utama Fiji). Sektor inilah yang ingin saya pelopori untuk kepentingan pelaburan negara.

"Melalui tugas ini, saya ingin menjadi `duta ekonomi' kerana tumpuan sekarang sudah berubah. Kalau dulu, hanya politik, demokrasi dan kebebasan yang dijadikan tumpuan, tetapi dunia kini bergerak ke arah ekonomi, pelaburan dan globalisasi."

Sehubungan itu, matlamat utamanya dalam misinya kali ini adalah untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan juga rakyat Fiji di sana, melalui potensi pelaburan yang boleh dibuat pelabur kedua-dua negara.

Di sebalik kehidupannya yang banyak berkisar kepada protokol, isu serius dan intelek, Dr Fauziah sebenarnya menyimpan keinginan untuk menjadi penulis lawak jenaka ekoran terpengaruh dengan pelawak Hollywood yang terkenal - Woody Allen.

Biarpun, beliau mengambil Dr Mahathir sebagai idolanya kerana sikap Perdana Menteri yang tidak berhenti membaca dan belajar, Dr Fauziah juga melihat kehidupan dari pelbagai sudut lain kerana bagi dirinya, beliau merasa adalah senang untuk membuat seseorang menangis tetapi amat sukar untuk membuat mereka ketawa.

"Jika saya bukan seorang diplomat hari ini...mungkin saya menjadi pakar motivasi kerana kehidupan manusia ini penuh dengan pelbagai warna, seseorang perlu ada untuk mencantikkannya..."